

BERITA HARIAN

DATE: 16 / 10 / 2007

## Dr M masih dikuarantin

**K**UALA LUMPUR: <sup>BH-16/10/2007</sup> Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad masih belum boleh menerima kunjungan pelawat walaupun sudah semakin pulih dan ditempatkan di wad biasa Institut Jantung Negara (IJN) sejak enam hari lalu.

Anaknya, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, Dr Mahathir lebih banyak berehat semalam berbanding hari pertama dan kedua Aidilfitri dan belum boleh menerima kunjungan pelawat kecuali anak dan cucunya.

"Setakat ini, doktor masih tidak membenarkan bapa menerima sebarang pelawat kerana beliau masih dalam tempoh kuarantin bagi mengelak jangkitan jangkitan," katanya dihubungi, semalam.

Mengulas lanjut katanya, Dr Mahathir masih menikmati juadah hari raya dan doktor akan terus mengawasi keadaannya.

Dalam perkembangan lain, mesin ventilator yang membantu pernafasan pesakit jantung, Tee Hui Yee sudah dibuka semalam selepas remaja berkenaan menunjukkan perkembangan positif walaupun masih ditempatkan di ICU.

Jurucakap IJN berkata, Tee semakin pulih dan beliau dilihat sudah mampu bernafas sendiri dan tidak perlu lagi bantuan mesin berkenaan.